

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 23 FEBRUARI 2026, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1551-L15955
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keberkesanan pelaksanaan gaji progresif dan tahap pematuhan sektor swasta.
2. PN-1551-L16167
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah inisiatif dan langkah strategik yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam menangani kes penipuan berasaskan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) khususnya penggunaan teknologi *Deepfakes* yang semakin memberi kesan kepada masyarakat luar bandar.
3. PN-1551-L15549
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - (a) apakah jaminan Kerajaan untuk memastikan masalah kelewatan pemprosesan dan pulangan (*refund*) lebih taksiran cukai oleh LHDN tidak berulang bagi mengelakkan keperluan peruntukan tambahan secara *ad-hoc*; dan
 - (b) apakah pelan pemulihan berfasa daripada LHDN untuk memulihkan keyakinan perniagaan dan pembayar cukai.
4. PN-1551-L16251
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan konkrit yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya atas kelewatan LRT3 Laluan Shah Alam.

5. PN-1551-L15805
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah pengukuhan Ringgit Malaysia kepada sekitar RM4.00 berbanding dolar AS memberi kesan sebenar kepadaimbangan dagangan dan daya saing eksport negara serta apakah langkah strategik Kementerian bagi memastikan lebih dagangan RM151.80 bilion pada 2025 dapat dikekalkan secara mampan.
6. PN-1551-L15778
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk melindungi dan menyokong PKS tempatan termasuk sama ada Kerajaan bercadang mengenakan keperluan modal berbayar minimum yang lebih tinggi ke atas syarikat asing yang beroperasi dalam sektor sensitif termasuk sektor makanan dan minuman (F&B).
7. PN-1551-L15900
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan justifikasi Kerajaan dalam memperkenalkan sistem peperiksaan awam bagi tahun empat dan tingkatan tiga serta tahap kesediaan Lembaga Peperiksaan terhadap pelaksanaan ini agar tidak membebankan guru dan murid.
8. PN-1551-L15745
Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pelan pemodenan pertahanan bagi tahun-tahun mendatang, termasuk peruntukan bajet dan keperluan strategik serta apakah prosedur audit dalaman dan luaran yang dilaksanakan bagi memastikan ketelusan semua perolehan aset, menjamin nilai wang dan mengelakkan sebarang konflik kepentingan berikutan teguran oleh Yang di-Pertuan Agong.
9. PN-1551-L16382
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan tahap pencapaian inisiatif PuTERA35 dalam memperkukuh daya saing ekonomi Bumiputera dalam sektor bernilai tinggi serta apakah perkembangan terkini penstrukturan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) dan Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputera.

10. PN-1551-L15828

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian mempunyai pelan induk nasional untuk menyediakan laluan motosikal berasingan di sepanjang lebuh raya dan jalan utama Persekutuan serta negeri sebagai pendekatan pencegahan jangka panjang dan bukannya sekadar penambahbaikan bersifat setempat.

11. PN-1551-L16173

Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan sejauh mana Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) mengambil tindakan ke atas sindiket antarabangsa yang mengoperasikan '*Fake Base Transceiver Station*' serta penyalahgunaan kad sim bagi aktiviti penipuan digital di rangkaian telekomunikasi negara Malaysia.

12. PN-1551-L15919

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) apakah langkah Kementerian dalam melindungi kebajikan wanita dan kanak-kanak Orang Asli khususnya daripada isu kemiskinan, keciciran pendidikan dan pengabaian selepas berlaku perceraian; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang mewujudkan unit khas bagi menangani kebajikan wanita Orang Asli.

13. PN-1551-L16009

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) dasar peralihan tenaga yang memberi fokus dan faedah kepada kawasan luar bandar; dan
- (b) apakah faedah langsung yang diterima kawasan luar bandar daripada dasar peralihan tenaga tersebut, dan bukan hanya tertumpu di kawasan bandar atau industri.

14. PN-1551-L15872

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia dan syarikat tempatan menceburi dalam bidang pembuatan aset pertahanan negara.

15. PN-1551-L15636

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai data lengkap berhubung risiko kecederaan atau insiden melibatkan sukarelawan wanita khususnya dari Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan sejauh manakah perlindungan keselamatan dan kebajikan sedia ada mencukupi.

16. PN-1551-L16271

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Rancangan Pendidikan Negara 2026-2035 akan memudah cara proses pemindahan sekolah (*relocation*) ke kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk India yang tinggi, bagi memastikan akses pendidikan berkualiti tidak terputus akibat perubahan demografi.

17. PN-1551-L15597

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan prestasi atlet negara di peringkat antarabangsa.

18. PN-1551-L16036

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) jadual masa terkini operasi LRT3 serta langkah pemulihan isu kestabilan sistem/perisian agar keselamatan dan kebolehpercayaan terjamin; dan
- (b) pelan memperkukuh jaringan *last mile* bas pengantara, pejalan kaki, mikromobiliti selamat untuk mengurangkan kesesakan di Selangor, termasuk KPI yang boleh diukur.

19. PN-1551-L15992

Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-

- (a) perincian mengikut tahun sejak 2008 berhubung jumlah peruntukan yang diluluskan di bawah Belanjawan Persekutuan dan yang telah disalurkan oleh Kerajaan kepada TEKUN Nasional bagi melaksanakan Program Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) dan berapakah bilangan permohonan serta jumlah nilai permohonan pembiayaan yang diterima di bawah Program SPUMI mengikut tahun bagi tempoh yang sama; dan

- (b) berapakah bilangan permohonan yang diluluskan, serta jumlah keseluruhan pembiayaan yang telah disalurkan kepada pemohon yang berjaya di bawah Program SPUMI mengikut tahun.
20. PN-1551-L15704
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah konkrit yang diambil oleh Kementerian untuk menguatkuasakan mekanisme tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti yang lebih ketat bagi badan sukan biayaan awam dan bagaimanakah Kementerian memastikan kebajikan atlet, pembangunan akar umbi dan hasil prestasi tinggi diutamakan.
21. PN-1551-L15616
Senator Datuk Bobbey bin Suan minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status perancangan pembinaan jalan raya ke sempadan Kalimantan, Indonesia.
22. PN-1551-L15695
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi menjadikan Kementerian sebagai wahana yang berkesan dalam pemasyarakatan maklumat berkaitan dasar, program serta isu-isu negara secara meluas kepada golongan akar umbi, bagi mengelakkan berlakunya kesenjangan komunikasi dan maklumat antara Kerajaan dan rakyat.
23. PN-1551-L15729
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keberhasilan pelaksanaan Sekolah Wawasan dan apakah perancangan Kementerian dalam menambah baik pelaksanaan Sekolah Wawasan sebagai satu platform integrasi antara kaum di peringkat sekolah.
24. PN-1551-L16328
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan strategik Kementerian bagi menangani isu kesesakan penumpang di pintu berlepas (boarding gate) KLIA akibat lonjakan trafik udara serta kesiapsiagaan prasarana lapangan terbang sepanjang tempoh Tahun Melawat Malaysia 2026.

25. PN-1551-L15886

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam menyekat akses *geo-blocking* terhadap aplikasi AMap dan platform digital lain yang memaparkan peta *Nine-Dash Line* demi menjaga kedaulatan negara.

26. PN-1551-L16386

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tahap keberkesanan pelaksanaan Kampung Angkat MADANI serta kaedah penilaian yang digunakan bagi mengukur impak sosioekonomi dan pembangunan infrastruktur komuniti terlibat.

27. PN-1551-L15656

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian dalam memanfaatkan guru-guru yang sudah bersara (bersara wajib dan bersara pilihan) yang pernah menjadi guru pakar di sekolah ketika bertugas supaya kepakaran mereka boleh dimanfaatkan selepas bersara.

28. PN-1551-L16188

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah program bimbingan usahawan desa yang dilaksanakan di Sarawak khususnya melalui agensi Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia) telah berjaya meningkatkan pendapatan isi rumah serta mewujudkan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar pada tahun 2024; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian bagi program ini untuk tahun 2026.

29. PN-1551-L16192

Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penguatkuasaan tegas Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ke atas lori muatan tong gas, tangki bahan kimia berbahaya, produk petroleum dan cecair berminyak yang gagal mematuhi peraturan Kaedah-Kaedah Lalulintas dan Akta Pengangkutan Jalan 1987.

30. PN-1551-L16252

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah reformasi besar yang telah atau akan dilaksanakan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keberkesanan dan integriti pertahanan negara.

31. PN-1551-L16060

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan mengapakah Kementerian tidak mengiktiraf sukan memanah berkuda sebagai salah satu sukan yang diiktiraf dan mendapat pembiayaan Kerajaan memandangkan atlet kita telah mencapai taraf dunia malah telah menjadi johan dan naib johan pada kejohanan *World Horseback Archery Global Mastership* di Shenzen China 2025 serta *World Kids Championship IHA* 2025 di Bogor, Indonesia.

32. PN-1551-L15842

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian akan membentangkan laporan tahunan kutipan hasil Persekutuan mengikut negeri supaya sumbangan Sarawak kepada ekonomi negara dapat dilihat secara langsung khususnya daripada cukai bukan petroleum, cukai pendapatan, cukai korporat, SST dan lain-lain.

33. PN-1551-L16428

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah konkrit untuk mengurangkan jurang pendidikan bandar dan luar bandar, termasuk akses internet, kualiti guru, kemudahan digital dan peruntukan sekolah, serta bagaimana keberkesanan dasar ini diukur secara objektif melalui data pencapaian murid.

34. PN-1551-L16033

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bagaimana Kerajaan Persekutuan menterjemah sasaran sifar banjir seperti titah KDYMM Sultan Selangor kepada KPI projek, garis masa dan peruntukan khusus untuk kawasan berisiko tinggi di Selangor.

35. PN-1551-L15824

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) kadar pengangguran dalam kalangan belia luar bandar Sarawak dan apakah program berimpak tinggi yang disediakan untuk menyediakan peluang kemahiran serta pekerjaan setempat; dan

- (b) apakah persediaan Kerajaan dalam menangani nasib ahli-ahli sukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang telah bersara atau bakal bersara.
36. PN-1551-L16091
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah mekanisme yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk memastikan francais dan perusahaan kecil dan sederhana tempatan tidak terkebelakang, mampu bersaing dengan pemain global dan terus menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi negara khususnya dengan kemasukan francais makanan dan minuman asing berskala besar yang semakin mendominasi pasaran tempatan.
37. PN-1551-L15599
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-
- (a) apakah inisiatif Kementerian dalam memperkukuh pembangunan ekonomi di luar bandar dan kawasan kurang membangun bagi mengurangkan jurang pembangunan antara negeri; dan
- (b) bagaimanakah projek pembangunan infrastruktur strategik memastikan manfaat ekonomi sampai kepada masyarakat setempat.
38. PN-1551-L15761
Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah jaminan Kerajaan, suntikan modal atau bantuan kewangan yang telah disalurkan kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam tempoh lima tahun terakhir dan apakah mekanisme pemantauan serta tadbir urus yang diwujudkan untuk memastikan bantuan tersebut tidak menjadi liabiliti luar jangka kepada negara.
39. PN-1551-L15754
Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan wanita mendapat peluang pekerjaan dan kenaikan pangkat terutama dalam sektor berpendapatan tinggi dan STEM.

40. PN-1551-L16032

Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan mempertimbangkan untuk memperkenalkan langkah-langkah khas atau bekerjasama dengan sektor swasta bagi menyediakan kemudahan pengangkutan yang mampu atau bersubsidi kepada pelajar dari kawasan estet yang bersekolah di sekolah menengah.

41. PN-1551-L16389

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan mekanisme penyelarasan dasar antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri bagi merapatkan jurang pembangunan serta memperluas peluang ekonomi secara adil dan seimbang di seluruh negara.

42. PN-1551-L15914

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan penyampaian maklumat Kerajaan dan inisiatif bantuan Kerajaan dapat diakses serta difahami oleh masyarakat Orang Asli dan penduduk luar bandar.

43. PN-1551-L16346

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah strategi Kerajaan mengurus komitmen fiskal jangka sederhana, termasuk liabiliti luar jangka dan obligasi berkaitan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) serta Syarikat Bertujuan Khas (SPV) milik Kerajaan.

44. PN-1551-L15719

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimanakah Kementerian meningkatkan ketelusan, pengawasan dan latihan wajib perlindungan kanak-kanak untuk semua kakitangan dan sukarelawan di kemudahan penjagaan awam dan swasta merujuk kepada tragedi lampau dan kebimbangan yang dibangkitkan mengenai institusi penjagaan kanak-kanak.

45. PN-1551-L15548

Senator Tuan Niran Tan Kran minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan dasar serta bentuk sokongan kewangan khusus yang telah atau akan dilaksanakan bagi membantu usahawan Bumiputera daripada masyarakat Bumiputera Siam dan sejauh manakah skim pembiayaan sedia ada mesra kepada peniaga kecil daripada masyarakat minoriti ini untuk bersaing dalam pasaran arus perdana.

46. PN-1551-L16120

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan premium insurans tidak dinaikkan hampir setiap tahun oleh syarikat insurans yang ternyata membebankan rakyat untuk membayarnya; dan
- (b) adakah dikenal pasti sebab-sebab kenaikannya dan tidakkah ada langkah kawalan yang efektif dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi menangani kenaikan kadar premium demi memelihara kebajikan rakyat yang terbeban dengan premium insurans yang begitu tinggi.

47. PN-1551-L16086

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mekanisme yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan Dasar Industri Pertahanan Negara dilaksanakan secara berdisiplin dan telus serta benar-benar memberi impak kepada keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sambil memastikan isu kelewatan kritikal seperti projek Kapal Tempur Pesisir (Littoral Combat Ship, LCS) dan pembekalan helikopter Black Hawk tidak berulang.

48. PN-1551-L15969

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) status pelaksanaan projek, jangkaan tarikh siap, peruntukan yang telah disediakan serta peranan Kerajaan Persekutuan dalam menyokong perkembangan penerbangan antarabangsa memandangkan Kota Kinabalu International Airport (KKIA) sedang melaksanakan projek peningkatan kapasiti sehingga 12 juta penumpang setahun menjelang 2028 melalui pembesaran terminal dan apron; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan memastikan bahawa pembesaran terminal dan apron di KKIA tidak menjejaskan operasi sedia ada, keselamatan penerbangan serta pematuhan kepada standard antarabangsa bagi penerbangan domestik dan antarabangsa sepanjang tempoh pelaksanaan projek.

49. PN-1551-L15744

Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah status terkini kapasiti simpanan air di empangan-empangan dan kawasan tadahan air di seluruh negara serta adakah setiap infrastruktur tersebut menerima peruntukan yang mencukupi untuk tujuan penyelenggaraan dan baik pulih sama ada oleh pihak Persekutuan, Kerajaan Negeri atau syarikat konsesi swasta.

50. PN-1551-L15827

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan perisian dan teknologi kecerdasan buatan (AI) secara bersepadu yang berupaya mengesan, menjejak dan membuat saringan awal terhadap kandungan berunsur kebencian kaum, agama serta penghinaan terhadap institusi Raja-Raja Melayu di ruang digital dan media sosial.

51. PN-1551-L16435

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengadakan program-program pembangunan kepimpinan belia global melalui program perantisan di Malawakil dan institut kepimpinan di luar negara.

52. PN-1551-L16407

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah yang diambil untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam proses perolehan Angkatan Tentera Malaysia terutama dengan dakwaan penyelewengan kontrak ketenteraan.

53. PN-1551-L16007

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) jenis tindakan yang diambil dan langkah bagi memastikan penguatkuasaan berkesan terhadap penyebaran maklumat palsu; dan
- (b) berapakah jumlah tindakan penguatkuasaan yang telah diambil terhadap penyebaran maklumat palsu sepanjang tahun lalu.

54. PN-1551-L15696

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah jangka panjang yang dirangka oleh Kerajaan bagi menjamin kelestarian dan kemampunan sosioekonomi rakyat, khususnya golongan marhaen melalui pelaksanaan program pembentukan keupayaan mandiri selain pemberian pelbagai bentuk bantuan rahmah yang bersifat sementara.

55. PN-1551-L15702

Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah dasar, inisiatif dan langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan akses pendidikan yang inklusif dan mesra orang kurang upaya (OKU), khususnya daripada aspek kemudahan fizikal, bahan pembelajaran, kaedah pengajaran serta sokongan guru pendidikan khas di institusi pendidikan di bawah seliaan Kementerian.

56. PN-1551-L16222

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program-program yang dijalankan oleh Kementerian dalam mengenal pasti bakat sukan dalam kalangan pelajar sekolah yang mampu digilap agar menjadi atlet bertaraf antarabangsa dan mengharumkan nama negara.

57. PN-1551-L16402

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan keberkesanan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dalam memastikan data peribadi rakyat dilindungi memandangkan masih terdapat syarikat yang menyalahgunakan data pengguna dan apakah jumlah laporan serta kes yang telah diselesaikan berkaitan penyalahgunaan kecerdasan buatan untuk mengugut atau mengaibkan individu.

58. PN-1551-L16337

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang masih beroperasi dan berapa SJKT yang dikategorikan daif dan memerlukan naik taraf segera; dan
- (b) berapa bilangan terkini murid, guru opsyen Tamil dan nisbah guru kepada murid.

59. PN-1551-L16228

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan bagaimana Kerajaan mengimbangi keperluan literasi digital kanak-kanak dengan risiko pendedahan awal kepada media sosial yang boleh menjejaskan perkembangan emosi dan sosial mereka, terutamanya dalam situasi di mana sesetengah ibu bapa menggunakan anak-anak mereka di media sosial untuk tujuan promosi perniagaan atau meningkatkan jumlah pengikut.

60. PN-1551-L15782

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang akan diambil untuk mengukuhkan tadbir urus, ketelusan dan integriti dalam perolehan masa depan bagi Angkatan Tentera Malaysia; dan
- (b) bagaimana Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025 memperkukuhkan pengawasan, pematuhan dan akauntabiliti.

61. PN-1551-L15658

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah terkini sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan yang dikategorikan sebagai mempunyai kekurangan murid di setiap negeri di Malaysia dan apakah perancangan jangka panjang yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi menangani isu sekolah-sekolah dalam kategori tersebut.

62. PN-1551-L15975

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah sebab khusus kelewatan penambahan penerbangan antarabangsa terus ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), berapa permohonan laluan baharu yang telah diterima Kementerian, dan apakah insentif atau syarat yang ditawarkan kepada syarikat penerbangan untuk menurunkan kos tiket khususnya ke Sabah.

63. PN-1551-L15959

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan akses internet yang berkualiti di kawasan luar bandar dan pedalaman.

64. PN-1551-L16340

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini isu kekurangan guru, khususnya guru subjek teras (Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris) di sekolah luar bandar dan pedalaman, serta pelan jangka pendek dan sederhana Kementerian bagi menanganinya.

65. PN-1551-L16243

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu LGBTQ dalam kalangan remaja dan golongan muda di negara ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Senator Tuan Niran Tan Kran** akan mencadangkan :-

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kelima Belas.”

- | | | | |
|----|----------------|--|---------------------------------|
| 2. | *(D.R.44/2025) | Rang Undang-undang Perjanjian Penyelesaian Antarabangsa Yang Terhasil Daripada Pengantaraan 2025 | Bacaan Kali Yang Pertama |
|----|----------------|--|---------------------------------|

[Jabatan Perdana Menteri]

- | | | | |
|----|---------------|--|---------------------------------|
| 3. | *(D.R.1/2026) | Rang Undang-undang Rapid Transit System Link Johor Baru-Singapura 2026 | Bacaan Kali Yang Pertama |
|----|---------------|--|---------------------------------|

[Menteri Dalam Negeri]

- | | | | |
|----|---------------|---|---------------------------------|
| 4. | *(D.R.2/2026) | Rang Undang-undang Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2026 | Bacaan Kali Yang Pertama |
|----|---------------|---|---------------------------------|

[Menteri Kewangan]

5. *(D.R.3/2026) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2026 **Bacaan Kali Yang Pertama**
- [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]**
6. *(D.R.25/2025) Rang Undang-undang Pembaharuan Semula Bandar 2025 **Bacaan Kali Yang Pertama**
- [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**
7. *(D.R.19/2024) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 **Bacaan Kali Yang Pertama**
- [Jabatan Perdana Menteri]**
8. (D.R.33/2025) Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerja (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Sumber Manusia]**

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

| <u>TAHUN 2026</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH DIBENTANGKAN</u> |
|------------------------------|--|---------------------------------------|
| ST. 1 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Bagi Tahun 2023 | 23 Februari 2026 |
| ST. 2 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik Bagi Tahun 2024 | 23 Februari 2026 |
| ST. 3 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Bagi Tahun 2023 | 23 Februari 2026 |
| ST. 4 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) Bagi Tahun 2024 | 23 Februari 2026 |
| ST. 5 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Bagi Tahun 2024 | 23 Februari 2026 |
| ST. 6 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Pesisiran Pantai Barat (Taiping-Banting)) (Pindaan) 2025 P.U. (A) 22/2025 diwartakan pada 20 Januari 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 7 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) 2025 P.U. (A) 33/2025 diwartakan pada 24 Januari 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 8 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) 2025 P.U. (A) 42/2025 diwartakan pada 27 Januari 2025 | 23 Februari 2026 |

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)

| <u>TAHUN</u> <u>2026</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u> |
|---|--|--|
| ST. 9 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 2) 2025 P.U. (A) 43/2025 diwartakan pada 27 Januari 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 10 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 3) 2025 P.U. (A) 51/2025 diwartakan pada 4 Februari 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 11 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) (Pindaan) 2025 P.U. (A) 54/2025 diwartakan pada 7 Februari 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 12 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 4) 2025 P.U. (A) 79/2025 diwartakan pada 12 Mac 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 13 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 5) 2025 P.U. (A) 93/2025 diwartakan pada 25 Mac 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 14 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Sabah) (Pindaan) 2025 P.U. (A) 96/2025 diwartakan pada 25 Mac 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 15 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) (Pindaan) (No. 2) 2025 P.U. (A) 98/2025 diwartakan pada 26 Mac 2025 | 23 Februari 2026 |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

| <u>TAHUN</u> <u>2026</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u> |
|-------------------------------------|---|--|
| ST. 16 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) (No. 2) 2025 P.U. (A) 195/2025 diwartakan pada 24 Jun 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 17 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 6) 2025 P.U. (A) 215/2025 diwartakan pada 17 Julai 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 18 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 7) 2025 P.U. (A) 216/2025 diwartakan pada 17 Julai 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 19 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 8) 2025 P.U. (A) 217/2025 diwartakan pada 17 Julai 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 20 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Sarawak) (Pindaan) (No. 3) 2025 P.U. (A) 218/2025 diwartakan pada 17 Julai 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 21 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 9) 2025 P.U. (A) 250/2025 diwartakan pada 5 Ogos 2025 | 23 Februari 2026 |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

| <u>TAHUN</u> <u>2026</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u> |
|---|--|--|
| ST. 22 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Lembah Klang Timur) 2025 P.U. (A) 317/2025 diwartakan pada 29 Ogos 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 23 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 10) 2025 P.U. (A) 365/2025 diwartakan pada 15 Oktober 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 24 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 11) 2025 P.U. (A) 369/2025 diwartakan pada 17 Oktober 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 25 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Persimpangan Bertingkat Eco Grandeur) 2025 P.U. (A) 373/2025 diwartakan pada 27 Oktober 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 26 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Sabah) (Pindaan) (No. 2) 2025 P.U. (A) 376/2025 diwartakan pada 27 Oktober 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 27 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) (No. 3) 2025 P.U. (A) 377/2025 diwartakan pada 27 Oktober 2025 | 23 Februari 2026 |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

| <u>TAHUN 2026</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH DIBENTANGKAN</u> |
|------------------------------|--|---------------------------------------|
| ST. 28 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) (No. 4) 2025 P.U. (A) 378/2025 diwartakan pada 27 Oktober 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 29 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 12) 2025 P.U. (A) 381/2025 diwartakan pada 28 Oktober 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 30 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 13) 2025 P.U. (A) 412/2025 diwartakan pada 17 November 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 31 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) (No. 5) 2025 P.U. (A) 413/2025 diwartakan pada 17 November 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 32 | AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 14) 2025 P.U. (A) 418/2025 diwartakan pada 27 November 2025 | 23 Februari 2026 |
| ST. 33 | AKTA FI 1951 Perintah Fee (Feri Pengkalan Kubor) (Pindaan) 2024 P.U. (A) 450/2024 diwartakan pada 24 Disember 2024 | 23 Februari 2026 |

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)

| <u>TAHUN</u> <u>2026</u> | <u>RISALAT/DOKUMEN</u> | <u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u> |
|---|---|--|
| ST. 34 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) Bagi Tahun 2022 | 23 Februari 2026 |
| ST. 36 | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Bagi Tahun 2024 | 23 Februari 2026 |